

Bil. S 64

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN
LALULINTAS JALAN RAYA (MATA DEMERIT), 2013**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pemberian mata demerit.
4. Kesan pemberian mata demerit kurang dari 24.
5. Pengantungan lesen memandu.
6. Pembatalan lesen.
7. Perintah larangan terhadap pelancong asing.
8. Pengarah hendaklah menghantar notis.
9. Notis perintah larangan.
10. Rayuan oleh pelancong asing.

**JADUAL — KESALAHAN-KESALAHAN BERJADUAL DAN MATA DEMERIT
HENDAKLAH DIBERIKAN**

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN
LALULINTAS JALAN RAYA (MATA DEMERIT), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab-bab 47A(2) dan 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Mata Demerit), 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2013.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“lesen memandu” bermakna suatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah bab 17;

“perintah larangan” bermakna perintah terhadap pelancong asing yang dibuat oleh Pengarah di bawah peraturan 7(1);

“kesalahan berjadual” bermakna suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan undang-undang sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual.

Pemberian mata demerit.

3. (1) Mata demerit sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual hendaklah diberikan terhadap pemegang suatu lesen memandu atau pelancong asing yang —

(a) telah disabitkan atas suatu kesalahan berjadual; atau

(b) telah membayar jumlah wang dikehendaki untuk dipungut bagi kompaun berkaitan dengan kesalahan berjadual yang dia disyaki dengan munasabah telah melakukannya.

(2) Apa-apa mata demerit yang diberikan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah berkuatkuasa —

(a) dalam hal peraturan kecil (1)(a), dari tarikh sabitan;

(b) dalam hal peraturan kecil (1)(b), dari tarikh pemegang lesen memandu atau pelancong asing itu disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan berjadual.

(3) Pengarah hendaklah menyimpan suatu daftar yang menyatakan nama-nama dan butir-butir lain semua pemegang lesen memandu dan pelancong asing yang terhadapnya mata demerit telah diberikan.

Kesan pemberian mata demerit kurang dari 24.

4. Jika seseorang itu telah diberikan jumlah kesemuanya mata demerit kurang dari 24 dalam tempoh 12 bulan berturut-turut selepas pemberian terakhir mata demerit tersebut terhadap orang itu, jumlah mata demerit yang diberikan itu tidak akan diambil kira.

Penggantungan lesen memandu.

5. (1) Pengarah boleh menggantung, bagi suatu tempoh tidak melebihi 36 bulan, lesen memandu mana-mana orang yang terhadapnya, dalam tempoh 24 bulan berturut-turut, mata demerit yang berjumlah kesemuanya 24 atau lebih telah diberikan.

(2) Tertakluk kepada peraturan kecil (3), jika lesen memandu seseorang telah digantung di bawah peraturan kecil (1), maka dengan tidak menghiraukan peraturan kecil (1), bila-bila masa selepas tarikh tamatnya tempoh penggantungan, orang itu telah diberikan, dalam tempoh 12 bulan berturut-turut, mata demerit yang berjumlah kesemuanya 12 atau lebih, Pengarah boleh menggantung lagi lesen memandu orang itu bagi suatu tempoh tidak melebihi 36 bulan.

(3) Peraturan kecil (2) tidak dikenakan jika orang yang disebut dalam peraturan kecil itu tidak melakukan sebarang kesalahan berjadual bagi tempoh 24 bulan berturut-turut selepas tarikh tamatnya tempoh penggantungan atau tarikh tamatnya tempoh dia dibatalkan kelayakannya dengan suatu perintah mahkamah yang dibuat pada atau selepas permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Bagi maksud-maksud peraturan kecil (3), semua mata demerit yang diberikan terhadap orang itu sebelum tarikh bermulanya tempoh penggantungan yang lesen memandunya itu digantung atau sebarang tempoh yang dia dibatalkan kelayakannya dengan suatu perintah mahkamah yang dibuat, tidak akan diambil kira.

(5) Dalam mengira bilangan mata demerit yang akan menyebabkan lesen memandu orang itu boleh digantung di bawah peraturan kecil (1) atau (2), hanya mata demerit yang telah diberikan terhadap orang itu dalam tempoh yang berjumlah kesemuanya 24 bulan berturut-turut atau 12 bulan berturut-turut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diambil kira, dan semua mata demerit yang diberikan terhadapnya sebelum tempoh itu tidak akan diambil kira.

Pembatalan lesen.

6. (1) Pengarah boleh membatalkan —

(a) suatu lesen memandu, yang bukan suatu lesen memandu sementara, jika —

(i) lesen memandu itu telah digantung lagi di bawah peraturan 5(2); dan

(ii) pemegang lesen memandu itu telah diberikan, dalam tempoh 12 bulan berturut-turut selepas tarikh tamatnya tempoh penggantungan itu, mata demerit yang berjumlah 12 atau lebih;

(b) suatu lesen memandu pemandu percubaan, jika pemegang lesen memandu itu telah diberikan, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan, mata demerit yang berjumlah 13 atau lebih.

(2) Pemegang lesen memandu yang dibatalkan di bawah peraturan kecil (1) tidaklah layak memohon suatu lesen memandu baru dalam tempoh satu tahun dari pembatalan tersebut.

(3) Dalam peraturan ini, “pemandu percubaan” bermakna seseorang yang telah memegang suatu lesen memandu selama kurang dari satu tahun daripada tarikh lesen itu dikeluarkan kepadanya.

Perintah larangan terhadap pelancong asing.

7. (1) Pengarah boleh dengan perintah melarang pelancong asing yang telah diberikan mata demerit yang berjumlah 24 atau lebih dalam tempoh 24 bulan berturut-turut dari memandu semua kelas kenderaan di Negara Brunei Darussalam selama suatu tempoh tidak melebihi 36 bulan.

(2) Tertakluk kepada peraturan kecil (3), jika —

(a) suatu perintah larangan telah dibuat terhadap pelancong asing; atau

(b) suatu perintah telah dibuat oleh sesebuah mahkamah pada atau selepas permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini yang melarang pelancong asing daripada memandu mana-mana kenderaan bermotor di Negara Brunei Darussalam,

bila-bila masa kemudiannya pemandu asing itu telah diberikan mata demerit yang berjumlah 12 atau lebih dalam tempoh satu tahun, Pengarah boleh membuat suatu perintah larangan terhadapnya selama suatu tempoh tidak melebihi 36 bulan.

(3) Peraturan kecil (2) tidak dikenakan kepada pelancong asing yang tidak melakukan sebarang kesalahan berjadual bagi tempoh 24 bulan berturut-turut dari —

(a) tarikh tamatnya tempoh perintah larangan itu; atau

(b) tarikh suatu perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah pada atau selepas permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini yang melarangnya dari memandu mana-mana kenderaan bermotor di Negara Brunei Darussalam,

mengikut mana yang berkenaan.

(4) Dalam mengira bilangan mata demerit bagi maksud-maksud peraturan kecil (1) atau (2), hanya mata demerit yang telah diberikan terhadap pelancong asing itu dalam tempoh 24 bulan berturut-turut atau 12 bulan berturut-turut, mengikut mana yang berkenaan, yang dikira dari tarikh pemberian pertama mata demerit dalam tempoh itu hendaklah diambil kira dan semua mata demerit yang diberikan sebelum tempoh itu tidak akan diambil kira.

(5) Jika pemegang, yang tidak tertakluk kepada penggantungan dan tidak melakukan sebarang kesalahan berjadual bagi mana-mana tempoh 12 bulan berturut-turut, setiap mata demerit yang diberikan terhadapnya sebelum tempoh itu tidak akan diambil kira bagi maksud-maksud mengira jumlah kesemuanya mata demerit di bawah peraturan kecil (1) atau (2).

Pengarah hendaklah menghantar notis.

8. (1) Pengarah hendaklah —

(a) memberitahu pelancong asing yang berkenaan dengan notis secara bertulis mengenai tarikh Pengarah bercadang hendak membuat suatu perintah larangan terhadapnya; dan

(b) menghendaki pelancong asing itu untuk menunjukkan sebab dalam masa 14 hari dari tarikh notis itu tentang kenapa suatu perintah larangan tidak patut dibuat terhadapnya.

(2) Pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, Pengarah hendaklah, selepas mengambil kira fakta-fakta peringanan yang mungkin dikemukakan oleh pelancong asing itu, membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya patut.

Notis perintah larangan.

9. (1) Pengarah hendaklah, selepas membuat suatu perintah larangan terhadap pelancong asing, menyampaikan kepadanya suatu notis mengenai perintah itu.

(2) Suatu notis mengenai perintah larangan itu hendaklah dianggap sebagai telah sempurna disampaikan jika ia dialamatkan kepada pelancong asing itu dan dikirimkan melalui pos berdaftar kepada alamat pelancong asing itu yang terakhir diketahui di Negara Brunei Darussalam, jika ada, atau kepada alamatnya yang terakhir diketahui di negara atau wilayah lain.

Rayuan oleh pelancong asing.

10. (1) Pelancong asing boleh, jika tidak puas hati dengan perintah larangan yang dibuat terhadapnya di bawah peraturan 7, dalam masa 14 hari dari perintah larangan itu diterima, merayu kepada Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Pengarah boleh, selepas mengambil kira fakta-fakta peringanan yang mungkin dikemukakan oleh pelancong asing itu, membatalkan perintah larangan itu atau memendekkan tempoh kuatkuasa perintah larangan itu.

JADUAL (peraturan-peraturan 2 & 3(1))**KESALAHAN-KESALAHAN BERJADUAL
DAN MATA DEMERIT HENDAKLAH DIBERIKAN****BAHAGIAN I****AKTA LALULINTAS JALAN RAYA**

	Kesalahan-kesalahan	Mata demerit
1. Bab 8(1)	Lesen kenderaan bermotor yang tidak sah	6
2. Bab 16	Memandu kenderaan bermotor tanpa lesen memandu yang sah	6
3. Bab 24 Jadual Pertama	Melebihi had laju yang dikenakan di jalan raya atau pada kenderaan sehingga 30 km/j	8
(a) Arahan Had Laju dan	Melebihi had laju yang dikenakan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 30 km/j sehingga 40 km/j	9
(b) Kawasan Had Laju	Melebihi had laju yang dikenakan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 40 km/j sehingga 50 km/j	12
	Melebihi had laju yang dikenakan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 50 km/j sehingga 60 km/j	18
	Melebihi had laju yang dikenakan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 60 km/j	21
4. Bab 26(1)	Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman keras dan dadah	18
5. Bab 27(1)	Memandu melulu dengan menyebabkan kematian	24
6. Bab 28(1)	Memandu dengan melulu atau membahayakan	18
7. Bab 29(1)	Memandu dengan tidak cermat	12
8. Bab 29A(1)	Menggunakan telefon bimbit semasa memandu	12

JADUAL – *sambungan*

	Kesalahan-kesalahan	Mata demerit
9. Bab 31	Gagal memberi bantuan kepada orang yang tercedera	3
10. Bab 33(1)	Gagal berhenti apabila kemalangan berlaku	3
11. Bab 36(2)	Memandu kenderaan tanpa izin pemilik	4
12. Bab 37	Kesalahan-kesalahan berhubung dengan kenderaan bermotor yang tidak bergerak	3
13. Bab 37A	Pertandingan dan ujian kelajuan	9
14. Bab 39	Mengabaikan lampu isyarat	6
15. Bab 56(1)	Larangan menggunakan kenderaan perkhidmatan awam yang tidak berlesen	9
16. Bab 72	Jumlah maksimum penumpang	9

BAHAGIAN II

PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA,
(Peraturan 1 dari Penggal 68)

	Kesalahan-kesalahan	Mata demerit
1. Peraturan 27	Muatan jatuh dari kenderaan	3
2. Peraturan 31(2)	Fabrik kerangka tali tayar pneumatik terdedah	6
3. Peraturan 36	Kenderaan bermotor ditinggalkan tanpa dijaga	3
4. Peraturan 104	Lampu hendaklah dinyalakan antara matahari terbenam dan matahari terbit	3
5. Peraturan 106	Larangan terhadap lampu merah ditunjukkan di hadapan	6
6. Peraturan 107	Larangan terhadap lampu putih di tunjukkan di belakang	6
7. Peraturan 109	Lampu hadapan wajib putih	6

JADUAL – sambungan

	Kesalahan-kesalahan	Mata demerit
8.	Peraturan 134 Garis dan tanda lain di atas jalan raya	4
9.	Peraturan 147 Gagal memandu di sebelah kiri	3
10.	Peraturan 147A Gagal memberi laluan kepada ambulans, kereta bomba atau kenderaan polis	3
11.	Peraturan 148 Memotong atau memintas dengan tidak wajar	3
12.	Peraturan 149 Meletak kereta	3
13.	Peraturan 150 Berpusing atau berhenti tanpa isyarat	3
14.	Peraturan 151 Kewajipan untuk mematuhi arahan pegawai polis yang bertugas mengawal lalulintas	6
15.	Peraturan 152 Tiada seorang pun yang memandu atau menjaga sesebuah kenderaan boleh menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang berdiri atau duduk dengan cara atau kedudukan sehingga mengganggunya daripada mengawal kenderaan itu	3
16.	Peraturan 152A Memandu dll ke dalam kotak kuning	4

BAHAGIAN III

**PERATURAN-PERATURAN MOTOSIKAL (TOPI KELEDAR), 1977
(S 42/1977)**

	Kesalahan	Mata demerit
Peraturan 4	Penunggang gagal memakai atau memakai dengan tidak rapi topi keledar di kepalanya	9

JADUAL – sambungan

BAHAGIAN IV

**PERATURAN-PERATURAN KENDERAAN BERMOTOR
(TALI PINGGANG KELEDAR), 1988 (S 14/1989)**

	Kesalahan	Mata demerit
Peraturan 8(1)	Pemandu dan penumpang hendaklah memakai tali pinggang keledar	9

BAHAGIAN V

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LINTASAN PEJALAN KAKI), 2002 (S 45/2002)**

	Kesalahan	Mata demerit
Peraturan 10	Tiada kenderaan boleh berhenti di mana-mana lintasan pejalan kaki	12

BAHAGIAN VI

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(TALI PINGGANG KELEDAR BAGI KANAK-KANAK), 2004 (S 14/2004)**

	Kesalahan	Mata demerit
Peraturan 4	Penggunaan tali pinggang keledar oleh kanak-kanak	6

BAHAGIAN VII

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(PENJAGA LINTASAN SEKOLAH), 2006 (S 32/2006)**

	Kesalahan	Mata demerit
Peraturan 8	Pemandu kenderaan hendaklah berhenti di lintasan sekolah	9

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 7 haribulan September, 2013.

PEHIN ORANG KAYA HAMZAH PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDULLAH
BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.